

NOTIS TAWARAN
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk Tawaran	TAWARAN SEMULA PENYEWAAN SATU [1] UNIT GERAI MAKAN (UNIT NO: 10), KOMPLEKS PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Bilangan Projek	SH73/2024-2025
Tawaran Terbuka Kepada	Syarikat-syarikat tempatan yang dimiliki sepenuhnya terdiri dari rakyat KDYMM yang memiliki Kad Pintar warna Kuning atau Syarikat-syarikat tempatan dimiliki bersama Penduduk Tetap yang memiliki kad Pintar warna Unggu yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan dari ROCBN (Registry of Company and Business Names) kementerian Kewangan dan Ekonomi. Syarikat-syarikat yang dimiliki bersama Warga Asing (Rakan Kongsi) memiliki kad pintar warna Hijau adalah TIDAK dibenarkan.
Syarat-syarat Penyertaan	Tawaran ini hanya dihadkan/dibenarkan bagi salah seorang ahli keluarga sahaja. Ahli keluarga lain yang terdekat seperti suami atau isteri atau anak-anak tidak dibenarkan ikut serta.
Lokasi	KOMPLEKS PERDAGANGAN ANGGEREK DESA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Jumlah Ruang Kedai Yang Ditawarkan	1 Unit Gerai Makan
Sewa Tetap Bulanan	B\$200.00 [Dua Ratus Ringgit Brunei]
Keluasan Bagi Setiap Unit	18 Meter Persegi
Tempoh Penyewaan	5 Tahun
Jenis Perniagaan Yang Dibenarkan	Kedai Makan Dan Minum Sahaja.
Dokumen Tawaran	Boleh Diperolehi Dari: BAHAGIAN PERANCANGAN PROJEK, TINGKAT 4, IBU PEJABAT JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**NOTIS TAWARAN
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh Buka Tawaran	21hb Oktober, 2024 (Isnin)
Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran	19hb November , 2024 (Selasa) (Tidak Lewat Jam 3.00 Petang)
Tarikh Tutup Tawaran	20hb November , 2024 (Rabu) (Tidak Lewat Jam 9.30 Pagi)
Tempat Tutup Tawaran	PENGERUSI, JAWATANKUASA SEBUTHARGA PETI SEBUTHARGA, TINGKAT BAWAH, JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB 3510, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Yuran Dokumen	B\$5.00 [Lima Ringgit Brunei] Tunai – tidak akan dikembalikan kepada penawar
Waktu Pembayaran	ISNIN – KHAMIS - 8.00 PAGI HINGGA 3.00 PETANG SABTU - 8.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI
Tatacara Tawaran	Penawar hendaklah menyatakan harga tawaran secara 'lump sum' di dalam borang tawaran yang disertakan. Harga tawaran ini tidak termasuk harga sewa bulanan yang telah ditetapkan Kerajaan. Harga tawaran ini bukan wang cagaran tawaran (tender deposit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar. Harga tawaran ini adalah satu kriteria pemilihan Jabatan. Kerajaan tidak akan terikat untuk memiliki atau menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Syarat-syarat tawaran ini adalah berkaitan dan hendaklah dibaca bersama dengan notis tawaran.
2. Terbuka pada Syarikat-syarikat tempatan yang dimiliki sepenuhnya terdiri dari Rakyat KDYMM yang memiliki Kad Pintar warna Kuning atau Syarikat-syarikat tempatan dimiliki bersama Penduduk Tetap yang memiliki kad Pintar warna Unggu yang mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan dari ROCBN (Registry of Company and Business Names) Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk memberikan tawaran bagi ***Penyewaan Satu Unit Gerai Makan (Unit No:10), Kompleks Perdagangan Anggerek Desa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.***
3. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam.
4. Pemohon mestilah membawa bersama Kad Pengenalan asal pemilik-pemilik syarikat dan salinan asal (original) sijil pendaftaran syarikat dan memberikan satu salinan bergambar untuk simpanan Jabatan ini.
5. Yuran dokumen yang dikenakan adalah sebanyak **B\$5.00** dan tidak dikembalikan. Sebelum menyelaraskan pembayaran, Syarikat yang berminat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan ***Borang Pengesahan Bagi Kelayakan untuk mengikuti Sebutharga dari Bahagian Perancangan Projek Tingkat 4, Jabatan Kemajuan Perumahan, dan ditunjukkan kepada pegawai yang bertugas di Bahagian Kewangan semasa membuat pembayaran.***
6. Syarikat yang ikut serta hendaklah memberikan surat pengakuan (declaration) yang ditandatangani oleh semua pemegang saham pemilik syarikat sebagai pengakuan bahawa tidak ada ahli keluarga yang mempunyai kepentingan dalam syarikat lain dan ikut sama serta tawaran yang ada.
7. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan jam yang ditetapkan pada notis tawaran tidak akan diterima dan dilayan.
8. Borang tawaran mestilah diisikan dengan lengkap dan betul dengan tulisan yang terang, jika tidak permohonan tawaran akan ditolak.
9. Harga tawaran tidak boleh dipadam dengan cecair pemadam seperti blanco, tippex dan lain-lain. Jika ada kesilapan pada harga tawaran, penawar hendaklah menggaris harga yang salah dan mencatat harga betul di atasnya dengan disertai tanda tangan penawar. Harga tawaran yang dipadam dengan blanco dan sebagainya adalah ditolak dan tawarannya dikira tidak sah.
10. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup yang telah disediakan oleh Jabatan ini tanpa menunjukkan identiti syarikat dan hendaklah dimasukkan kedalam:-

**PENGERUSI,
JAWATANKUASA SEBUTHARGA
PETI SEBUTHARGA,
TINGKAT BAWAH, JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS BB 3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN
SYARAT-SYARAT TAWARAN

11. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
12. Harga tawaran dari penawar adalah bayaran premia bagi kelayakan untuk mendapatkan satu unit Gerai Makan dan tidak termasuk perkara-perkara berikut:-
 - i) Sewa bulanan yang telah ditetapkan sebanyak ***\$200.00 sebulan (Dua Ratus Ringgit Brunei)***
 - ii) Wang cagaran penyewaan (jika berjaya) sebanyak ***\$600.00 (Enam Ratus Ringgit Brunei)*** dibayar bersama harga tawaran secara tunai sebelum menandatangani perjanjian kontrak.
13. Pemohon yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar wang cagaran penyewaan sebanyak ***\$600.00 (Enam Ratus Ringgit Brunei)*** sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan dibenarkan memulakan perniagaan dan wang cagaran penyewaan ini akan dikembalikan mengikut syarat-syarat yang dikenakan.
14. **Penawar tidak dibenarkan menarik diri setelah tawaran tutup. Bagi mereka yang menarik diri akan dikenakan denda selaras dengan garis panduan pihak Lembaga Tawaran Negara bil. LTN/4(39/1997) bertarikh 15hb. November, 1997.**
15. Penawar berjaya yang telah gagal menjelaskan harga tawaran atau cagaran penyewaan dalam tempuh yang telah ditetapkan Jabatan adalah dianggap melanggar syarat-syarat tawaran dan akan dikenakan denda selaras dengan garis panduan pihak Lembaga Tawaran Negara bil. LTN/4(39/1997) bertarikh 15hb. November, 1997.
16. Penawar yang berjaya dikehendaki membiayai sendiri segala kos perbelanjaan bagi membaiki unit Gerai Makan yang ditawarkan tersebut dan digalakkan supaya melawat tempat Gerai Makan tersebut untuk memastikan keadaan status kerosakan pada unit-unit yang akan diperbaiki tersebut.
17. Penawar yang berjaya dikehendaki menguruskan dan membiayai sendiri segala perbelanjaan bagi pembekalan dan pemasangan meter pra-bayar (prepaid meter) melalui pemborong/pembekal yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.
18. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Sultan Dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran.
19. Penawar yang berjaya dikehendaki menjelaskan harga tawaran serta wang taruhan. Jika sekiranya gagal selepas 3 minggu tempuh berkenaan penawar yang berjaya tersebut dikira menarik diri dan Jabatan akan menarik balik dan membatalkan penerimaan tawaran ini dan penawar akan dikenakan denda mengikut garis panduan LTN.

